


# KEMELUT POLITIK SEMENANJUNG TANAH MELAYU

---

RAMLAH ADAM

---



# KEMELUT POLITIK

SEMENANJUNG TANAH MELAYU

RAMLAH ADAM



1005990  
PUSTAKA PERDANA Malaya



1005990

# KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	<i>vii</i>
1 Penentangan Orang Melayu Terhadap Malayan Union, 1946-1948	1
2 Kepentingan Selangor dalam Gerakan Orang Melayu Menentang Malayan Union, 1946-1948	29
3 Kemelut Politik Johor, 1946-1948	51
4 Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan Parti Komunis Malaya (PKM), 1946-1948	81
5 Nasionalisme Tanah Melayu 1941-1957: Satu Analisis terhadap Corak Kegiatannya	109
6 Kepimpinan Politik Melayu 1945-1957: Satu Rujukan kepada Dato' Onn, Dr. Burhanuddin Al-Helmy dan Ahmad Boestamam	141
7 Kongres Melayu 1957: Satu Penentangan kepada Kehilangan Kuasa Politik Melayu di Ambang Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu	167
8 Pembentukan Kerakyatan Kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu, 1946-1957 dan Kesannya kepada Kedudukan Orang Melayu	201
9 Pendauletan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan: Peranan Nasionalis di antara Tahun 1930-an sehingga 1957	229
10 Gerakan Menuntut Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu dari tahun 1948-1957	255
11 Institusi Raja di Malaysia dan Brunei: Satu Perbandingan	287
<i>Bibliografi</i>	<i>307</i>
<i>Indeks</i>	<i>315</i>

# PRAKATA

Gerakan politik di Semenanjung Tanah Melayu yang kemudiannya dikenal sebagai Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948, adalah satu fenomena yang sangat menarik sekali untuk dihayati. Ia memperlihatkan satu kegiatan nasionalisme orang Melayu mempertahankan satu status quo politik tradisional mereka yang telah diiktiraf oleh British sebagai penjajah sejak kedatangan mereka di negeri-negeri Melayu. British telah menjalankan dasar pentadbiran yang bersifat naungan atau *Protected Malay States* bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu (ditubuhkan pada 1896) yang terdiri dari Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang) dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (1909 dengan Kelantan, Terengganu, Perlis, Kedah dan Johor sebagai anggotanya).

Dalam pentadbiran yang bersifat perlindungan ini, British mengekalkan institusi raja-raja Melayu sebagai simbol pentadbiran negeri. Walaupun semua pentadbiran dipegang oleh Residen dan pegawai-pegawai British, namun pengisytiharan undang-undang dilakukan dengan pengetahuan Sultan dan para wakilnya dalam Majlis Mesyuarat Negeri. Bagi Negeri Melayu Tidak Bersekutu, kuasa dan kedudukan Sultan dan pembesarnya adalah lebih kuat kerana kedudukan British hanyalah sebagai penasihat sahaja. Di Johor pula, walaupun pegawai-pegawai British memegang beberapa jabatan penting, tetapi Sultannya sangat kuat dalam kedudukannya kerana ketokohan Sultan Ibrahim itu sendiri. Proses Desentralisasi yang berlaku di antara akhir tahun 1920-an dan 1930-an juga memperlihatkan minat negeri-negeri Melayu untuk mengurangkan penguasaan pentadbiran British dalam hal ehwal negeri mereka.

Pentadbiran British di negeri-negeri seperti itu sangat berbeza dengan satu unit negeri yang lain yang dikenal sebagai Negeri-negeri Selat (1796) yang terdiri dari Melaka, Pulau Pinang dan Singapura. Pentadbiran di negeri-negeri ini dilakukan secara langsung oleh pihak kerajaan British dengan Baginda King sebagai ketua negaranya. Negeri Selat adalah jajahan takluk mahkota British (*British crown colonies*). Rakyatnya dikenal sebagai Rakyat British.

Dengan kedudukan politik seperti itulah, orang Melayu menentang *Malayan Union* yang diperkenalkan di Semenanjung

Tanah Melayu pada awal tahun 1946. Pengenalan Malayan Union ini sangat menarik kerana ia memperlihatkan satu perubahan dasar politik British yang begitu drastik sekali sehingga orang Melayu dan raja-raja Melayu bangun menentang cadangan itu secara damai. Ia juga melahirkan satu kesedaran kebangsaan yang memuncak dan sangat jitu. Kelahiran pemimpin-pemimpin kebangsaan Melayu dan persatuan-persatuan negeri mendukung gerakan itu telah melahirkan satu semangat kesatuan dan kekitaan yang tidak pernah wujud dalam sejarah orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu sebelum ini. Ia juga menyaksikan kelahiran UMNO (United Malays National Organization) yang menjadi barisan depan orang Melayu menentang Malayan Union. Tiga buah rencana telah disediakan untuk membincang dan mengupas serta menghurai hal ini.

Bagaimanapun, perpaduan di kalangan orang Melayu dalam usaha menentang Malayan Union tidak begitu kukuh dengan kewujudan satu kelompok orang Melayu yang mempunyai sikap gergaji dua mata dalam menangani masalah orang Melayu ini. Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan sekutunya mempunyai pendekatan yang berbeza dalam menyambut Malayan Union ini. Ia juga melihat kemerdekaan Tanah Melayu harus dilakukan bersama dengan kerjasama bangsa lain dan dalam masa yang sama mengidam kemerdekaan dalam gabungan Melayu/Indonesia Raya. Parti ini bertentang pendapat dengan UMNO dalam banyak hal dan inilah yang menyebabkan golongan ini menjadi satu gerakan yang sangat dinamik dan tidak tertakluk kepada kerangka politik Melayu tradisional. Rencana yang bertajuk Parti Kebangsaan Melayu Malaya dan Parti Komunis Malaya: Satu Penelitian Mengenai Kegiatan Politik Mereka, berusaha untuk melihat secara dekat golongan radikal Melayu ini.

Kegiatan nasionalisme/politik di tempoh ini juga memperlihatkan usaha orang dagang atau bukan Melayu untuk mendapatkan kedudukan politik yang tetap di negara ini. Pengenalan Malayan Union dengan dasar kerakyatan terbuka, sistem pentadbiran dan perundangan yang terus dari Britain serta penaklukan penuh British ke atas Semenanjung Tanah Melayu telah melenyapkan dasar perlindungan British ke atas negeri-negeri Melayu. Dengan itu British menggunakan konsep Malayan yang membawa erti persamaan hak politik kepada semua rakyatnya. Dasar liberal ini memang dituntut oleh orang dagang sejak tahun 1920-an. Pengenalan Malayan Union adalah dasar rasmi British untuk memenuhi tuntutan itu. Dengan itu lahirlah kesedaran untuk menduduki negara ini secara tetap dan

beberapa buah parti politik bukan Melayu telah bekerja ke arah tersebut. Ini termasuklah Parti Komunis Malaya (PKM) dan sekutunya (kesatuan sekerja, pemuda dan wanita), Straits Chinese Born Association, Chinese Chamber of Commerce, Malayan Democratic Union dan berbagai lagi. Tuntutan mereka ini menjadi cabaran kepada orang Melayu; pergolakan di antara mereka atau dua bangsa terbesar di Tanah Melayu ini telah menggelorakan suasana politik negara ini, terutama dari tahun 1945 sehingga 1948.

Satu hal yang nyata dari putaran dan kegiatan politik orang bukan Melayu ialah mereka dengan cukup bijak telah menggunakan perpecahan orang Melayu untuk mendapatkan kedudukan yang terbaik. Sewaktu orang Melayu menentang Malayan Union, orang bukan Melayu telah bekerjasama dengan golongan radikal Melayu. Kegagalan mereka telah menyebabkan Parti Komunis Malaya mengangkat senjata. Ini pula menyebabkan British menggalakkan pemimpin-pemimpin sederhana dan konservatif Melayu bekerjasama dengan bukan Melayu demi untuk mendapatkan kemerdekaan. Maka bermulalah kerjasama itu dengan penubuhan Communities Liaison Committee (CLC) pada tahun 1949 sehingga membawa kelonggaran kerakyatan Persekutuan pada tahun 1952 dan penubuhan Independence of Malaya Party (IMP) oleh Dato' Onn sebagai memenuhi tuntutan British itu. Kegagalan IMP kerana ketegasan Dato' Onn telah menyebabkan British menubuhkan National Conference yang pula mendorong UMNO dan MCA melahirkan National Convention, yang kemudian melahirkan Perikatan. Dengan kerjasama parti-parti perkauman Melayu, Cina dan India, maka pilihan raya dimenangi oleh Perikatan yang membolehkan ia mendapatkan kemerdekaan bagi Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1957. Kesemuanya ini memperlihatkan bahawa tuntutan bangsa dagang untuk mendapat kedudukan dan kuasa politik yang tetap dan serata dengan orang Melayu telah melahirkan masyarakat majmuk dalam politik kepartian dan kemerdekaan Tanah Melayu itu.

Perpecahan orang Melayu di antara UMNO, IMP, Parti Negara, PAS dan Parti Rakyat Malaya sangat ketara di antara tahun 1951 sehingga 1957. Ini menyebabkan kedudukan politik mereka menjadi lemah dan sentiasa bergolak. Perpecahan ini muncul di atas kekuatan personaliti yang memimpin parti-parti tersebut. Ketokohan Dato' Onn, Ahmad Boestamam, Dr. Burhanuddin Al-Helmy dan Tunku Abdul Rahman sebagai pemimpin UMNO yang baru tetapi pragmatik telah mencorakkan nasib politik orang Melayu menjelang kemerdekaan. Ketiga-tiga tokoh yang terawal adalah penganjur-

penganjur ideologi dan parti-parti politik yang kuat pengaruhnya. Mereka tidak mungkin dapat menerima kepemimpinan yang lain kerana kehebatan mereka sendiri. Namun, mereka tetap nasionalis yang mementingkan survival bangsa Melayu. Di kala UMNO merundingkan kemerdekaan negara, tokoh-tokoh veteran itu dengan sokongan dari parti-parti yang dipimpin menjadi satu 'check and balance' kepada UMNO. Mereka menolak dasar tolak ansur UMNO dalam soal kerakyatan *jus soli*, kelemahan dalam pendaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, kedudukan istimewa Melayu dan kedudukan goyah agama Islam. Kongres Melayu 1957 adalah usaha terakhir mereka untuk memperbaiki kelemahan UMNO; mereka berjaya mendapatkan semula kedudukan istimewa Melayu walaupun gagal menolak kerakyatan *jus soli* dan Commonwealth yang dipaksakan ke atas Tanah Melayu oleh British. Mereka juga membantah pertahanan negara yang masih dipegang oleh British dan penyokong-penyokongnya.

Tidak dapat dinafikan kepimpinan ketiga-tiga tokoh di atas dan para penyokong mereka telah memberi satu bentuk kepimpinan yang sangat dinamik kepada sejarah nasionalisme dan politik orang Melayu sendiri dan Tanah Melayu umumnya. Ketiga-tiga mereka menggunakan Melayu sebagai dasarnya; Dato' Onn dengan Melayu Semenanjung manakala Ahmad Boestamam dan Dr. Burhanuddin dengan Melayu Rayanya. Dato' Onn menolak orang dagang di peringkat awal kepemimpinannya dalam UMNO, sedangkan kedua-dua tokoh radikal menerima bukan Melayu sebagai kawan-kawannya. Penerimaan Dato' Onn kepada orang bukan Melayu hanya pada tahun 1949 setelah menegakkan kedudukan orang Melayu, namun penerimaannya tidak begitu sepenuhnya walaupun menubuhkan IMP. Tunku Abdul Rahman sebaliknya telah menjadi lebih terbuka dengan bekerjasama menubuhkan sebuah parti politik yang besar seperti anjuran British demi untuk mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu. Kepentingan orang Melayu seperti tahun 1946 atau 1952 tidak lagi diutamakan; kerakyatan disamaratakan, kedudukan istimewa Melayu hanya untuk 15 tahun selepas merdeka dan bahasa Melayu hanya didaulatkan 10 tahun selepas merdeka. Kesemuanya ini berlaku kerana konsep kebangsaan Tanah Melayu bukan lagi berteraskan Melayu tetapi berkonsepkan Malayan. Inilah pegangan UMNO dan Perikatan sehingga membolehkan British memberikan kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1957.

Kesemua rencana-rencana ini melingkari senario ini. Pendapat saya mungkin berbeza dari orang lain, tetapi ia adalah pendapat dan

kesimpulan yang telah diikat dari penyelidikan primier yang telah dilakukan selama beberapa tahun di dalam dan luar negeri. Ia diharapkan dapat melahirkan satu wacana baru yang dapat merangsang pelajar dan masyarakat umum memikirkannya.

*Ramlah Adam, Ph.D.*  
*Jabatan Sejarah*  
*Universiti Malaya*  
*Kuala Lumpur*